

BERITA HARIAN

DATE: 31 / 08 / 2007

# Teruskan usaha cipta kejayaan lebih hebat: Najib

BH- 31/8/2007

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat Malaysia selaku generasi pewaris, bukan saja sentiasa berusaha mengekalkan keamanan serta kemajuan yang dicapai negara ketika ini, malah terus bertindak memperkuhkannya.

Mengulas sempena sambutan ulang-tahun ke-50 kemerdekaan negara pada hari ini, Timbalan Perdana Menteri juga mahu rakyat negara ini melonjakkan kejayaan yang dicapai itu sehingga ke tahap lebih hebat.

“Secara peribadi saya berharap ulang-tahun kemerdekaan yang ke-50 ini sebagai detik yang bukan saja

signifikan dan bermakna dalam konteks sejarah negara kita, tetapi juga sebagai pewaris atau penyambung dan penerus.

“Ia dilakukan bukan saja dengan mengenang jasa mereka yang mengasaskan negara dan mengisi kemerdekaan tetapi lebih bermakna lagi kalau kita dapat meneruskan perjuangan dan membawa negara ke tahap kejayaan yang lebih besar dan bermakna,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan anugerah Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 57 veteran perang dari Australia, New Zealand dan United Kingdom di sini, semalam.

Pingat ini dianugerahkan kepada veteran perang itu sebagai penghargaan atas sumbangan mereka ketika berkhidmat sebagai anggota pengan pada zaman Darurat di Persekutuan Tanah Melayu antara 31 Ogos 1957 hingga 12 Ogos 1966.

Dalam pada itu, Najib berkata, terserah kepada semua pihak terbabit, khususnya ahli politik untuk mentafsirkan dengan tepat berhubung kenyataannya agar semua pihak perlu berhati-hati dalam memperkatakan sesuatu isu sensitif.

“Apa juga yang kita buat, cakap atau dengar adalah gambaran daripada penilaian rakyat kerana kita

adalah sebahagian daripada sistem demokrasi yang menjadi amalan.

“Apa yang saya katakan itu secara prinsipnya sebagai panduan. Anda tidak boleh memperkatakan sesuatu isu sensitif sehingga membawa kepada suasana tidak baik. Kita boleh bercakap, tapi mesti yang sesuai.

“Terserah kepada ahli politik untuk mentafsirkan dengan tepat kenyataan saya itu,” katanya.

Kelmarin, Najib dilaporkan meminta semua pihak terbabit, khususnya ahli politik supaya berhati-hati dengan apa yang dipertuturkan bagi mengelak sebarang curiga dan syak wasangka di kalangan rakyat.